

| | | | |
|-------------|---|------------|---------|
| Headline | Warga emas terharu terima rumah Baiti Jannati | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 11 Oct 2016 | Language | Malay |
| Circulation | 125,514 | Readership | 947,000 |
| Section | Nasional | Page No | 29 |
| ArticleSize | 227 cm ² | Journalist | N/A |
| PR Value | RM 23,475 | | |
| | | | |



Warga emas terharu terima rumah Baiti Jannati

Butterworth: Hasrat seorang warga emas memiliki kediaman selesa akhirnya tercapai selepas beliau mendapat bantuan melalui Projek Baiti Jannati kelolaan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Lebih menggembirakan, selain TNB yang memperuntukkan RM50,000 bagi pembinaan rumah baharu itu, Pusat Khidmat Parlimen Tasek Gelugor turut menambah RM30,000 bagi memastikan kediaman Yusoff Rejab, 66, lebih selesa.

Bagi Yusoff, tiada ada apa yang mampu diungkap, selain ucapan terima kasih kepada semua pihak yang tampil membantu keluarganya yang sebelum ini terpaksa berteduh di rumah usang milik mereka di Pengkalan Machang.

Katanya, sebelum ini beliau dan

isteri, Che Siah Ayob, 63, bersama tiga anak serta tujuh cucu terpaksa hidup dalam kesempitan apabila rumah pusaka berusia 40 tahun kerap dinaiki air kerana terletak berhampiran sungai.

“Saya tidak ada rumah lain, di tapak inilah saya bina rumah keluarga secara berperingkat ketika masih bekerja sebagai pemandu lori ketika muda.

Rumah dimakan anai-anai

“Rumah ini menjadi uzur kerana dimakan anai-anai sehingga bumbung bocor menyebabkan banyak papan dinding pecah sehingga membahayakan kami sekeluarga,” katanya ketika ditemui selepas penyerahan kunci rumah terbabit, di sini, semalam.

Yusoff berkata, dia yang kini me-

nyara ahli keluarganya dengan menjual kuih tidak mampu membaikpulih rumah berkenaan, malah anak yang menumpang juga tidak dapat membantu kerana gaji mereka kecil.

Bantu penduduk

Sementara itu, Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahaya berkata, pihaknya berterima kasih atas keprihatinan TNB yang banyak membantu penduduk di kawasannya yang kurang berkemampuan.

Katanya, sehingga kini lima rumah penduduk di Tasek Gelugor sudah dibantu TNB itu di bawah Projek Baiti Jannati dan berharap syarikat itu dapat terus menghulurkan bantuan pada masa hadapan.

| | | | |
|-------------|---|------------|---------|
| Headline | Warga emas terharu terima rumah Baiti Jannati | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 11 Oct 2016 | Language | Malay |
| Circulation | 125,514 | Readership | 947,000 |
| Section | Nasional | Page No | 29 |
| ArticleSize | 227 cm ² | Journalist | N/A |
| PR Value | RM 23,475 | | |
| | | | |



Shabudin (kiri) menyerahkan replika kunci rumah Projek Baiti Jannati kepada Yusoff di Pengkalan Machang, Butterworth, semalam.